

Media Title : Harian Metro
Headline : 'ASP' arah mangsa bercuti pinjam duit di tujuh bank
Date : 17 September 2023
Section : Lokal
Page : 4



'ASP' arah mangsa bercuti pinjam duit di tujuh bank

Kuala Lumpur: Seorang wanita mengalami kerugian RM622,000 selepas ditipu *scammer* menyamar polis yang mendakwa mangsa terbabit pengubahan wang haram.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, mangsa berusia 45 tahun pada jam 10.30 pagi 2 Ogos lalu menerima panggilan telefon daripada suspek mengaku dari Pos Laju Perak.

Menurutnya, suspek mengatakan pengadu ada menghantar bungkusan mengandungi beberapa keping kad pengenalan.

"Selepas itu panggilan disambungkan kepada suspek Tuan Zakim dari Balai Polis Perak yang memarahi pengadu kerana tidak memberikan kerjasama.

"Kemudian disambungkan kepada Ketua Operasi Asisten Superintendan (ASP) Mokhtar melalui WhatsApp menyatakan mangsa terbabit dengan

jenayah pengubahan wang haram," katanya.

Ramli berkata, disebabkan terlalu takut mangsa mengikut apa juga arahan suspek dan menyuruh dia merahsiakan perkara itu.

"Mulai tarikh 2 Ogos sehingga 30 Ogos lalu, mangsa diarahkan memindahkan 11 transaksi wang ke tujuh akaun bank yang berbeza dengan alasan untuk tujuan pengauditan Bank Negara.

"Pada 10 Ogos lalu, suspek ASP Mokhtar mengarahkan pengadu bercuti untuk membuat pinjaman di tujuh bank iaitu BSN, Bank Rakyat, Bank Islam, RHB Bank, Alliance Bank, MBSB dan AEON Credit," katanya.

Beliau berkata, namun hanya tiga bank meluluskan permohonan pinjaman wang mangsa iaitu Bank Rakyat, Bank Islam dan AEON Credit berjumlah RM575,000.

Menurut Ramli, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksanan.

Hanya tiga bank meluluskan permohonan pinjaman wang mangsa